



**PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA**  
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Kurang pengetahuan punca ramai ditipu 'scammer'  
Publication/Portal: Harian Metro  
Date: 30 September 2020

Language: Malay  
Section: Lokal  
Page: 13

**Kuala Lumpur:** Kurang pengetahuan, mudah percaya, takut dan tidak membuat semakan. Itu punca utama seseorang individu menjadi mangsa penipuan membabitkan sindiket Macau Scam.

**Pengaruh Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman Datuk Zainuddin Yaacob berkata, pihaknya kerap kali mengingatkan orang ramai bahawa pihak berkuasa, agensi kerajaan mahupun agensi kewangan tidak akan melakukan urusan penting melalui panggilan telefon.**

“Ramai pihak

## *Kurang pengetahuan punca ramai ditipu ‘scammer’*

di luar sana kurang pengetahuan mengenai prosedur operasi standard (SOP) pihak berkuasa, institusi perbankan dan lain-lain. Contoh yang paling ketara adalah mana-mana agensi kerajaan mahupun pihak bank tidak akan menggunakan akaun individu untuk tujuan pemindahan wang.

“Contoh lain pula pihak polis tidak akan sesekali beruruskan melalui panggilan telefon dan mengarahkan mana-mana pihak untuk memindahkan wang ke institusi lain termasuk atas ‘kesalahan’ jenayah dilakukan,” katanya ketika ditemui di Ibu Pejabat

JSJK Bukit Aman, di sini. Zainuddin berkata, kebanyakannya mangsa terlalu mudah percaya dengan ‘cerita’ disampaikan sindiket walaupun menyedari mereka tidak melakukan kesalahan dinyatakan pihak berkenaan.

“Pada mulanya, mungkin mangsa sendiri pelik kenapa pihak yang menghubungi mereka tahu mengenai maklumat seperti nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat, nombor telefon dan jumlah wang di dalam akaun bank.

“Maklumat itu menyebabkan mereka percaya bahawa individu yang menghubungi mangsa adalah benar-benar daripada agensi dinyatakan. Malah, ada di antara mangsa yang percaya dengan dakwaan itu tanpa sedar memberikan maklumat tambahan seperti jumlah

harta dimiliki, jumlah simpanan serta lain-lain informasi penting perbankan,” katanya.

Menurutnya, pihaknya tidak menafikan terdapat kemungkinan kebocoran maklumat sama ada daripada agensi kerajaan mahupun swasta yang menjual data orang ramai kepada sindiket penipuan berkenaan.

“Mungkin ada pihak tidak bertanggungjawab yang menjadi ejen menjual data kepada sindiket penipuan kerana maklumat yang diperoleh adalah tepat sehingga mangsa benar-benar percaya dengan dakwaan dikemukakan.

“Dalam situasi begini, individu yang dihubungi akan merasa takut sehingga mereka sanggup melakukan segala arahan diberikan sindiket berkenaan termasuk menyembunyikan perkara itu daripada orang terdekat.

“Tambah menyulitkan apabila mangsa yang panik tidak melakukan semakan semula dengan agensi sepatutnya seperti polis dan bank bagi mengesahkan urusan itu wujud atau sebaliknya,” katanya.

Mengulas isu sama, katanya, sindiket tidak mempunyai sasarannya khusus, namun ramai mangsa yang terpedaya terdiri daripada warga emas.

“Berdasarkan maklumat diperoleh, sindiket itu akan membuat panggilan telefon secara rawak kepada mana-mana individu. Daripada percubaan itu, ada mangsa yang terpedaya terutama golongan warga emas,” katanya.

Berdasarkan statistik, Zainuddin berkata, sebanyak 1,738 kes dilaporkan membabitkan kerugian lebih RM128 juta dengan tangkapan seramai 734 individu di

seluruh negara bagi tempoh Januari hingga Ogos lalu.

Katanya, jumlah kerugian dijangka terus meningkat menjelang akhir tahun ini memandangkan lebih RM121 juta direkodkan pada 2019 membabitkan 2,466 kes dengan 866 tangkapan sepanjang tempoh berkenaan.

“Bagi tempoh Januari hingga Ogos lalu, Kuala Lumpur mencatatkan jumlah kes tertinggi iaitu 327 kes dengan jumlah kerugian hampir RM34 juta diikuti Selangor 270 kes (RM36 juta) dan Johor mencatatkan 228 kes (RM14 juta).

“Pada tahun lalu pula, Selangor merekodkan jumlah kes tertinggi iaitu 501 kes dengan kerugian lebih RM37 juta diikuti Kuala Lumpur dengan 382 kes (RM22 juta) dan Johor yang mencatatkan 319 kes (RM12 juta),” katanya.